

# DRAPOLENE CREAM

Benzalkonium Chloride/ Cetrimide (0.01% w/w / 0.2% w/w)

## Apa yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Drapolene Cream
2. Bagaimana Drapolene Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Drapolene Cream
4. Cara menggunakan Drapolene Cream
5. Semasa menggunakan
6. Kesan-Kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan Drapolene Cream
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Drapolene Cream

- Untuk merawat dan mencegah kemerahan akibat ruam lampin.
- Untuk melegakan dan mencegah ruam lampin dalam penjagaan kebersihan untuk bayi.
- Untuk penjagaan lanjut di bahagian kulit yang terbakar/ melecur (terhad kepada epidermis, iaitu lapisan luar kulit yang nipis), selaran cahaya matahari yang terhad dan kesan daripada cuaca.

## Bagaimana Drapolene Cream berfungsi

Drapolene Cream mengandungi benzalkonium chloride dan cetrimide. Bahan-bahan ini merupakan antisептик yang membunuh sel-sel bakteria.

## Sebelum menggunakan Drapolene Cream

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan jika anda mempunyai alahan kepada benzalkonium chloride, cetrimide, lanolin atau mana-mana bahan kandungan lain dalam produk ini.

### Sebelum mula menggunakan Drapolene Cream

- Bahagian yang terjejas perlulah dibersihkan dan dikeringkan dengan sempurna sebelum menyapu Drapolene Cream.
- Untuk bayi baru lahir, bayi dan kanak-kanak, bahagian sekitar lampin perlu dibasuh dan kemudian dikeringkan dengan sempurna setiap kali menukar lampin.

- Untuk kesan yang optimum, bahagian yang disapu haruslah bebas daripada sisa sabun.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil apa-apa ubat lain, termasuk mana-mana yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Drapolene Cream

### Berapa banyak harus digunakan

Satu lapisan nipis krim perlu disapukan dengan rata di bahagian yang terjejas

### Bila perlu digunakan

Satu lapisan nipis krim perlu disapukan dengan rata di bahagian yang terjejas beberapa kali sehari, selagi perlu/ setiap kali menukar lampin, dengan memberikan lebih tumpuan bahagian lipatan kulit.

### Berapa lama perlu digunakan

Krim perlu digunakan seperti mana yang diperlukan.

### Jika terlupa menggunakan

Gunakan krim sebaik sahaja anda ingat, contohnya pada pertukaran lampin yang seterusnya.

### Jika mengambil berebihan (terlebih dos)

Pengambilan dos yang berlebihan sukar berlaku disebabkan oleh dos rendah kandungan benzalkonium chloride dan cetrimide dalam produk. Jika krim ini telah ditelan, sila hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat.

## Semasa menggunakan Drapolene Cream

### Perkara yang perlu dilakukan

Drapolene Cream adalah untuk kegunaan luaran sahaja.

### Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan Drapolene Cream selepas tarikh luput (bulan dan tahun) yang dicetak selepas "EXP" pada kotak. Jika tarikh luput telah terlepas, bawa produk tersebut kepada ahli farmasi anda untuk pelupusan yang selamat.

### Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan mata atau kanta sentuh anda daripada tersentuh krim ini.

## Kesan-Kesan Sampingan

Seperti semua ubat, Drapolene Cream boleh menyebabkan kesan sampingan, seperti keradangan kulit, ruam kulit dan kemerahan, serta tindak balas alergi lain yang boleh berlaku serta-merta atau lambat. Sekiranya anda mengalami ruam atau ketidakselesaan kulit atau jika keadaan anda bertambah buruk atau tidak bertambah baik dalam masa 7 hari, hentikan menggunakan krim ini dan berjumpa dengan doktor anda. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan dengan menghubungi Tel: 03-78835549, atau melawat laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara Penyimpanan dan Pelupusan Drapolene Cream

### Penyimpanan

Simpan di bawah 30° C. Jauhkan ubat ini daripada capaian kanak-kanak.

### Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat Lanjut

### Rupa dan warna produk

Drapolene Cream adalah krim lembut berwarna merah jambu yang terdapat dalam tiub 55g.

### Bahan-bahan kandungan

- Bahan-bahan aktif: Benzalkonium Chloride 0.01% w/w, Cetrimide 0.2% w/w.
- Bahan-bahan yang tidak aktif: White Soft Paraffin, Wool Fat (purified lanolin), Cetyl Alcohol, Polawax, Chlorocresol, Carmosine (E 122), Purified Water.

# DRAPOLENE CREAM

Benzalkonium Chloride/ Cetrimide (0.01% w/w / 0.2% w/w)

---

- Nombor MAL  
MAL19913028XR

## Pengilang

GlaxoSmithKline Pharmaceuticals S.A.  
ul. Grunwaldzka 189, 60-322 Poznan,  
Poland.

## Pemegang Pendaftaran Produk

GlaxoSmithKline Consumer Healthcare  
Sdn Bhd, Lot 89, Jalan Enggang,  
Kawasan Perindustrian Ampang / Ulu  
Kelang, 54200 Selangor Darul Ehsan,  
Malaysia.

## Tarikh Kemaskini RiMUP

13/06/2018

## Nombor Siri

NPRA (R4/1)130618/00173